



No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(116)

## SIARAN MEDIA


### SEKTOR AKUAKULTUR TINGKAT PENDAPATAN KOMUNITI PERIKANAN

**6 JUN 2024, GELANG PATAH** - Jabatan Perikanan Negeri Johor menganjurkan Majlis Pelancaran Rasa – Rasa Akuakultur dan Jelajah Unggulan Perikanan Negeri Johor 2024 bagi mempromosikan produk hasilan perikanan iaitu ikan makan marin, darat, akuakultur serta produk industri asas tani (IAT). Program yang dianjurkan sejak tahun 2022 ini merupakan salah satu inisiatif DOF bagi membantu usahawan dan komuniti perikanan meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Tuan Haji Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata pengeluaran akuakultur ikan makan marin di Johor pada tahun 2023 adalah sebanyak 22,104.1 t.m meningkat sebanyak 8.42 % berbanding 20,387.8 t.m pada tahun 2022. Perkembangan positif ini memberi tanda sektor akuakultur mula berkembang dan mula mendapat permintaan tinggi daripada masyarakat.

Program Rasa-Rasa Akuakultur menyetengahkan tumpuan baharu iaitu ikan susu sebagai sumber protein dan ikan rakyat. Para pengunjung berpeluang merasai dan mencuba pelbagai menu yang berasaskan ikan susu seperti Laksa Johor Ikan Susu, Ikan Susu Crispy, Ikan Susu Bakar Snowfis, Pulut Panggang Serunding Ikan Susu yang disediakan oleh Jabatan Perikanan sebagai usaha mempromosikan ikan susu menembusi pasaran tempatan.

Dalam majlis yang sama, turut diadakan penyerahan watak pelantikan dan peralatan kepada 16 komuniti nelayan tradisi (zon A) sebagai peserta Projek Estet Kerang-Kerangan Negeri Johor melibatkan 138 orang nelayan dari tiga daerah iaitu Tangkak, Batu Pahat dan Pontian. Bantuan berupa alat peranti *handheld* GPS, ves keselamatan dan penimbang digital dengan nilai keseluruhan sebanyak RM 71,500.



Objektif utama pelaksanaan Projek Estet Kerang-Kerangan Negeri Johor adalah sebagai strategi kerajaan untuk menambah pendapatan nelayan Zon A dan melaksanakan projek ternakan kerang yang lebih terancang bagi meningkatkan pengeluaran ikan makan bagi keterjaminan makanan negara.

Pengeluaran kerang di Negeri Johor pada tahun 2023 adalah sebanyak 226.14 mt dengan nilai RM2.712juta dan dijangka meningkat pada tahun 2024 melalui pelaksanaan Projek Estet Kerang-kerangan negeri Johor.

Tuan Haji Wan Muhammad Aznan Abdullah juga turut meluangkan masa melawat lapan reruai dan menyantuni usahawan-usahawan yang mengambil bahagian dalam program ini. Hadir sama Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Akuakultur, Puan Rosmawati Ghazali dan Timbalan Pengarah Perikanan Negeri Johor, Puan Nurhuda Ibrahim.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)